



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HARMONTRADILOKA DALAM PERSEMBAHAN NYANYIAN LAGU TRADISIONAL MELAYU

NOR AZURA BINTI ABU BAKAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HARMONTRADILOKA DALAM PERSEMBAHAN NYANYIAN LAGU
TRADISIONAL MELAYU

NOR AZURA BINTI ABU BAKAR

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) MAC (bulan) 20 25

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOR AZURA BINTI ABU BAKAR, P20201000215, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HARMONTRADILOKA DALAM PERSEMBAHAN NYANYIAN LAGU TRADISIONAL MELAYU adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

05-4506832

Tandatangan pelajar

ptbupsi

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. KAMARULZAMAN BIN MOHAMED KARIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HARMONTRADILOKA DALAM PERSEMBAHAN NYANYIAN LAGU TRADISIONAL MELAYU (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh DOKTOR FALSAFAH PERSEMBAHAN MUZIK (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11 MAC 2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HARMONTRADILOKA DALAM PERSEMBAHAN NYANYIAN LAGU
TRADISIONAL MELAYU

No. Matrik / Matric's No.: P20201000215

Saya / I : NOR AZURA BINTI ABU BAKAR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Norazura
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Prof Madya Dr. Kamarulzaman Bin Mohamed Kadim
Penyarah Kanan DSE4
Fakulti Kejuruteraan dan Seni Pengiraan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11 MAC 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala pujian dan kesyukuran kepada Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan rahmat Nya, saya dapat menyiapkan penulisan ini dalam keadaan yang baik pada masa yang ditetapkan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih buat penyelia saya Prof. Madya Dr. Kamarulzaman bin Mohamed Karim yang tidak pernah jemu memberi teguran, tunjuk ajar dan bimbingan bagi memantapkan kandungan kajian serta pengkaryaan ini selain memastikan penulisan ini siap dengan sempurna.

Dalam masa yang sama saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi ASWARA kerana telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Kedoktoran. Sekalung penghargaan juga tidak saya lupakan kepada kakitangan dan rakan-rakan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI terutama sekali buat penilai yang telah banyak memberi perangsang, nasihat, tunjuk ajar dan buah fikiran sepanjang proses penulisan ini berlangsung. Perkongsian ilmu dan pengetahuan sepanjang pengajian merupakan pengalaman yang sangat berharga dan tidak mungkin dilupakan.

Akhir kata, jutaan terima kasih juga ditujukan buat suami yang dikasihi dan dicintai Syahrizan bin Sahamat, sosok ibu yang luar biasa buat ku Pn. Juhara binti Ayob, sahabat-sahabatku Fairuz, Akmal, Fitri, Nanie, Has, Yun, Mima, Azie, Jeffri, Penn, Daniey, Yunos, Ahoi, Irene Airy, Dr. Safini dan semua yang telah terlibat secara langsung kerana bertindak sebagai tulang belakang di dalam pengkajian dan pengkaryaan ini. Buat ibu kandungku, Norrizan bin Mohd Razis juga buat kedua-dua kekandaku Normely dan Mohd Azri, kedua ibu bapa mertuaku Sahamat bin Mohamad dan Sariah binti Samad serta teristimewa buat Allahyarham ayahku Abu Bakar bin Din, berkat kesabaran, dorongan dan sokongan padu kalian, kajian dan karya ini berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang.





ABSTRAK

Nyanyian tradisional Melayu adalah seni warisan budaya yang kaya dengan nilai sejarah dan identiti masyarakat Melayu. Namun, ia semakin kurang diminati terutama dalam kalangan generasi muda yang lebih tertarik kepada muzik moden dan popular. Tanpa inisiatif untuk memperbaharui bentuk persembahan, nyanyian tradisional ini berisiko ketinggalan zaman dan mungkin dilupakan. Kajian ini meneliti konsep *Harmontradiloka* sebagai pendekatan baharu dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu. Objektif kajian adalah untuk memperkenalkan ensembel vokal dengan harmoni moden dalam nyanyian tradisional Melayu, mengumpul koleksi lagu tradisional dari pelbagai genre, serta menyampaikan persembahan dalam bentuk konsert muzikal yang disertai elemen koreografi dan teaterikal. Kajian menggunakan kaedah berasaskan amali untuk penghasilan karya serta kaedah kualitatif, termasuk temu bual tidak berstruktur, kajian perpustakaan melalui bahan bacaan, kajian terdahulu, artikel, jurnal, pengalaman peribadi, pemerhatian, penglibatan langsung dan tontonan video terhadap persembahan yang lepas. Hasil kajian ini diharapkan dapat menarik minat generasi muda terhadap nyanyian tradisional Melayu dan menyumbang kepada usaha pemuliharaan budaya melalui pendekatan rekonstruksi. Cadangan penambahbaikan juga dapat dilihat dari perspektif integrasi teknologi seperti persembahan digital dan realiti maya. Selain itu, kolaborasi dengan komposer moden juga adalah disarankan. Pendekatan-pendekatan ini berpotensi mengukuhkan konsep *Harmontradiloka* menjadikannya lebih kontemporari sambil mengekalkan akar identiti budaya.





***HARMONTRADILOKA* IN THE PERFORMANCE OF TRADITIONAL MALAY SONG SINGING**

ABSTRACT

Malay traditional singing is a cultural heritage rich in historical value and the identity of the Malay community. However, it is increasingly less appreciated, especially among the younger generation, who are more inclined toward modern and popular music. These traditional singing risks becoming outdated and potentially forgotten without initiatives to renew its performance style. This study examines the concept of *Harmontradiiloka* as a new approach to Malay traditional singing performances. The objectives of this study are to introduce a vocal ensemble with modern harmonies in traditional Malay singing, compile a collection of traditional songs from various genres, and present the performance in the form of a musical concert with elements of choreography and theatrics. The study utilizes practice-based methods for artworks and qualitative methods for research, including unstructured interviews, library research through books, past studies, articles, journals, personal experiences, participatory observation, direct involvement, and discography of past performances. The findings of this study are expected to attract the younger generation's interest in traditional Malay singing and contribute to cultural preservation through a reconstructive approach. Suggested improvements include integrating technology, such as digital performances and virtual reality. In addition, collaboration with modern composers is recommended. These approaches can potentially strengthen the *Harmontradiiloka* concept, making it more contemporary while maintaining its cultural identity roots.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

1.1	Inspirasi dan Motivasi	1
1.1.1	Imaginasi Idea Persembahan	5
1.1.2	Proses Persembahan	7
1.1.3	Konsep Persembahan	11
1.2	Permasalahan Persembahan	12
1.3	Objektif Persembahan	15
1.4	Persoalan Persembahan	15



BAB 2 SOROTAN LITERATUR DAN KARYA KREATIF

2.1	Sorotan Literatur	16
2.1.1	Jenis Muzik Tradisional Melayu dan perkembangannya di Malaysia	17
2.1.2	Unsur Sinkretisme dalam Lagu Tradisional Melayu	27
2.1.3	Harmoni	33
2.1.4	Konsep Persembahan Muzikal	48
2.1.5	Merentas Cabaran Alaf Baru	52
2.2	Sorotan Karya Kreatif	58
2.2.1	Malam Kemala Irama 2.0 (2019)	58
2.2.2	Mek Mulung Cycle	65
2.2.3	<i>A.R Rahman meets Berklee – Chaiya Chaiya</i>	69
2.2.4	Juara Lagu 1998 – Dikir Barat (Noraniza Idris)	73
2.2.5	Siti Nurhaliza - Konsert Mega Live Bukit Jalil (Segmen Tradisional)	78

BAB 3 KONSEP PERSEMBAHAN 84

3.1	Penentuan Paradigma	85
3.2	Konsep Baharu Persembahan	89
3.3	<i>Harmontradiloka</i>	90
3.4	Pembentukan Konsep <i>Harmontradiloka</i>	94
3.5	Landasan Teori	97
3.5.1	Pemeliharaan Karakter Asal	98
3.5.2	Penambahbaikan	101
3.5.3	Pembaharuan	103



3.6	Cadangan Elemen-elemen baharu yang mempengaruhi <i>Harmontradiloka</i>	106
3.6.1	Nyanyian tradisional Melayu dalam Bentuk Ensembel Vokal	106
3.6.2	Tekstur dan Gubahan Vokal	115
3.6.3	Muzikal dan Nyanyian Tradisional Melayu	121
3.7	Penstrukturan persembahan berdasarkan elemen-elemen yang dipilih	125
3.7.1	Konsep Nyanyian <i>Harmontradiloka</i>	126
3.7.2	Muzikal	132

BAB 4 PROSES KREATIF ARTISTIK 134

4.1	Proses Kreatif Artistik (Kritis)	136
4.1.1	Kaedah Pengumpulan Data	137
4.1.2	Analisis Data	141
4.2	Proses Kreatif Artistik (Intuitif)	147
4.2.1	Improvisasi Nyanyian	148
4.2.2	Koreografi, Gerak Tari dan Teknik Penjiwaan	150
4.2.3	Pengarahan dan Lakonan	151

BAB 5 DISKRIPSI PERSEMBAHAN 153

5.1	Pembentukan Persembahan	154
5.1.1	Proses Kerja	154
5.1.2	Pra Persembahan	156
5.1.3	Persembahan	168
5.1.4	Pasca Persembahan	175

5.2	Pengstrukturian Persembahan	175
5.2.1	Struktur Persembahan	176
5.2.2	Pecahan Segmen	178
5.2.3	Perincian Lagu	179
5.2.4	Idea Gubahan Vokal dan Muzik	197
5.2.5	Muzik	201
5.2.6	Koreografi	202
5.2.7	Teaterikal	203
5.2.8	Jalan Cerita	209
5.3	Program Persembahan	216

BAB 6 KESIMPULAN, REFLEKSI DAN CADANGAN

6.1	Kesimpulan	226
6.2	Refleksi	234
6.2.1	Kelebihan	234
6.2.2	Kekurangan	237
6.3	Cadangan	239

RUJUKAN	243
----------------	-----

LAMPIRAN	257
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Repertoir	9
2.1 Kombinasi instrumental dalam persembahan Bangsawan	23
2.2 Jenis Suara dalam Kumpulan Koir / Vokal	42
4.1 Senarai lagu yang akan dipersembahkan	145
5.1 Senarai pilihan lagu mengikut zaman	161
5.2 Senarai nama tenaga kreatif	162
5.3 Senarai nama pendendang	166
5.4 Jadual latihan Konsert Muzikal " <i>Harmontradiloka</i> "	170
5.5 Struktur Persembahan Konsert Muzika " <i>Harmontradiloka</i> "	176
5.6 Pecahan segmen mengikut zaman	178
5.7 Perincian lagu	179
5.8 Gubahan Vokal	198
5.9 Gubahan Muzik	200
5.10 Pemuzik Konsert Muzikal " <i>Harmontradiloka</i> "	201
5.11 Koreografer Konsert Muzikal " <i>Harmontradiloka</i> "	202
5.12 Skrip Monolog Konsert Muzikal " <i>Harmontradiloka</i> "	210
5.13 Butiran Persembahan Resital 1	217
5.14 Butiran Persembahan Resital 2	218
5.15 Pengisian Persembahan	220





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1	Perkembangan Muzik Tradisional di Malaysia 18
2.2	Jenis Tekstur yang digunakan dalam Gubahan Vokal 44
2.3	Video cabaran empat dara nyanyian Elly Mazlein tular di media sosial 57
2.4	Video cabaran empat dara yang ditarikan oleh Jurulatih Genius Seni Tari yang ditularkan oleh akaun Instagram HotFM 57
2.5	Persembahan Malam Kemala Irama 2.0 di Panggung Eksperimen ASWARA pada 21 Januari 2022 58
2.6	Mek Mulung Cycle – 9 Koleksi Terunggul Koir Kebangsaan Malaysia di Auditorium Perdana, Angkasapuri Kuala Lumpur pada 17 & 18 November 2016 65
2.7	Symphony Hall, Boston pada 24 Oktober 2014 69
2.8	Siti Nurhaliza - Konsert Mega Live Bukit Jalil pada 30 Jun 2001 78
3.1	Konsep Baharu Persembahan 89
3.2	Pembentukan Konsep Harmontradiloka 94
3.3	Jenis Nyanyian Tradisional Melayu 108
3.4	Tekstur heterofoni dalam 3 bentuk 116
3.5	Jenis Tekstur dalam persembahan <i>Harmontradiloka</i> 126
3.6	Notasi nyanyian lagu Timang Welu versi asal 129
3.7	Notasi nyanyian lagu Timang Welu versi gubahan baru 130
4.1	Kaedah Pengumpulan Data 137





4.2	Genre Nyanyian Lagu Tradisional Melayu	142
4.3	Teknik Gubahan Vokal	143
4.4	Bentuk Persembahan Teater Muzikal Barat	144
5.1	Proses Kerja	154
5.2	Pendendang	218
5.3	Poster Resital 1	223
5.4	Poster, Bunting dan Banner Resital 2	224





SENARAI SINGKATAN

ASK	Akademi Seni Kebangsaan
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
BERKLEE	Kolej muzik swasta di <i>Boston, Massachusetts</i>
SWATARI	Kelas asas tarian tradisional anjuran Pak Ngah Production
LED	Diod pemancar cahaya





SENARAI LAMPIRAN

- A. Notasi Lagu Medley Minang
- B. Notasi Lagu Gambuh Menyanyi
- C. Notasi Lagu Time Welu
- D. Notasi Lagu Cik Milek
- E. Notasi Lagu Seri Mersing
- F. Notasi Lagu Dondang Sayang Mambo
- G. Notasi Medley Ronggeng Bangsawan
- H. Notasi Medley Lagu Rakyat
- I. Notasi *Mashed Up A Cappella* Musalmah Manis dan Hati Kama
- J. Notasi Medley Dikir Puteri dan Nirmala



BAB 1

Pengenalan / Latar Belakang

1.1 Inspirasi dan Motivasi

"Motivasi adalah pendorong, inspirasi adalah penarik," - Natalie DeBruin

Motivasi di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat ditakrifkan sebagai sesuatu yang membuat atau mendorong seseorang berusaha untuk melakukan sesuatu dengan penuh minat. Manakala menurut Mohd Zaki bin Ahmad (2014), motivasi ini bermaksud keinginan untuk mencapai sesuatu kerana desakan dalaman yang kuat. (ms. 8).

Bahagian ini akan menghuraikan latar belakang persembahan, cetusan inspirasi dan motivasi persembahan serta bagaimana keaslian idea diperkembangkan dalam perspektif karya persembahan muzik. Inspirasi dan motivasi mengandungi imaginasi tentang idea persembahan, proses serta konsep. Kesemuanya akan dinyatakan secara ringkas (Struktur Disertasi Karya Kreatif Persembahan, 2018).



Lagu tradisional Melayu merupakan salah satu cabang seni warisan yang signifikan dalam membentuk identiti budaya masyarakat Malaysia. Minat mendalam terhadap seni ini mula berkembang sejak kecil melalui pendedahan langsung daripada ibu, seorang yang berbakat dalam seni nyanyian dan tarian tradisional Melayu. Bakat tersebut telah menjadi asas kepada penglibatan aktif dalam bidang nyanyian dan tarian tradisional, bermula dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Pada tahun 2002, pendedahan formal terhadap tarian tradisional Melayu diteruskan melalui latihan di SWATARI¹, yang seterusnya membawa kepada pengajian Diploma dalam bidang muzik di Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

Dalam tempoh ini, perkembangan lagu pop tradisional mencapai kemuncaknya, dengan artis seperti Dato' Sri Siti Nurhaliza, Noraniza Idris, dan Syura menjadi tokoh utama yang memperkukuh kedudukan seni tradisional Melayu. Lagu-lagu ciptaan Allahyarham Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah) bukan sahaja memenuhi keperluan masyarakat, malah turut menarik minat golongan muda (Silahudin, 2008). Pengaruh artis-artis ini mengukuhkan jati diri sebagai pencinta seni tradisional dan menjadi inspirasi untuk melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang muzik di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) pada tahun 2008.

Dalam tempoh pengajian ini, bimbingan Allahyarham Rahim Jantan, seorang komposer dan pemuzik terkenal, memberikan dorongan untuk terus berusaha melestarikan seni tradisional Melayu, khususnya Dondang Sayang dan lagu Melayu

¹ Kelas asas tarian tradisional Melayu di bawah Pak Ngah Production



Asli. Semangat dan wawasan beliau terhadap kesenian tradisional mengalir dalam diri, membentuk komitmen untuk meneruskan perjuangan seni beliau.

Pada tahun 2008, perubahan sosial dan budaya akibat arus pemodenan mula memberi impak besar kepada perkembangan muzik tradisional Melayu. Zainal (2018) mencatatkan bahawa muzik tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat moden yang cenderung kepada genre muzik komersial. Perubahan ini mencetuskan rasa tanggungjawab untuk memulihkan kegemilangan seni tradisional walaupun dalam skala kecil, dengan harapan agar seni ini terus bertahan untuk generasi akan datang.

Namun demikian, perjalanan ini tidak tanpa cabaran. Kritikan terhadap rupa fizikal dan imej diri sebagai penghalang untuk berjaya dalam bidang seni memberi impak kepada keyakinan diri, terutama dalam konteks persembahan solo. Isu ini membangkitkan persoalan tentang ciri-ciri utama seorang penyanyi yang baik, sama ada ia ditentukan oleh penampilan fizikal atau bakat dan personaliti. Faktor ini menimbulkan dilema, namun menjadi titik tolak untuk mencari alternatif lain yang membolehkan penglibatan dalam seni tanpa mengorbankan minat yang mendalam terhadap lagu tradisional Melayu.

Alternatif tersebut akhirnya ditemui melalui penubuhan kumpulan vokal yang berkonsepkan nyanyian harmoni. Konsep harmoni dalam nyanyian, yang melibatkan gabungan pelbagai nada secara serentak, memberi dimensi baharu kepada persembahan. Pendekatan ini bukan sahaja menambah keyakinan dalam persembahan berkumpulan tetapi turut membuka peluang untuk menyumbang dalam industri muzik



sebagai penyanyi latar. Kemahiran ini menjadi aset yang mengukuhkan rasa tanggungjawab terhadap kelangsungan seni tradisional Melayu.

Inspirasi utama dalam usaha ini datang daripada figura penting seperti Pak Ngah, Rahim Jantan dan Hamzah Dolmat², di mana dedikasi mereka terhadap seni tradisional menjadi teladan. Menurut Pak Ngah dalam tulisan Silahudin (2008), Hamzah Dolmat bertanggungjawab mempromosikan muzik tradisional Melayu pada era 1940-an hingga 1950-an. Pak Ngah pula memanfaatkan penerimaan masyarakat terhadap muzik tradisional dan etnik kreatif pada zamannya untuk memperluaskan karya beliau.

Inspirasi lain datang daripada artis seperti Dato' Sri Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris, yang berjaya menggabungkan elemen tradisional dan moden dalam persembahan mereka. Persembahan kreatif mereka dalam kategori Irama Malaysia pada acara seperti Pertandingan Juara Lagu telah menetapkan penanda aras baharu untuk seni tradisional. Sebagai contoh, lagu "Cindai" bukan sahaja memenangi Juara Lagu pada tahun 2008 tetapi turut mengukuhkan genre Irama Malaysia sebagai elemen penting dalam muzik kontemporari.

Pengaruh dan inspirasi ini mendorong kepada penciptaan konsep persembahan baharu yang menggabungkan nyanyian tradisional secara berkumpulan dengan harmoni moden. Pendekatan ini disokong oleh elemen tambahan seperti koreografi dan teaterikal, yang menjadikan persembahan lebih unik dan relevan dengan audiens

² Pemuzik dan penyanyi lagu-lagu asli yang terkenal di Malaysia pada era 1950-an



moden. Usaha ini bertujuan untuk menyambung legasi perjuangan tokoh seni terdahulu dan memastikan kesinambungan seni tradisional melalui inovasi dan adaptasi.

Kesimpulannya, perjuangan untuk melestarikan muzik tradisional Melayu memerlukan gabungan inspirasi, inovasi, dan dedikasi yang berterusan. Dengan meneladani semangat tokoh seni seperti Rahim Jantan, Pak Ngah, dan Hamzah Dolmat, generasi hari ini dapat memastikan seni warisan ini terus hidup dan berkembang.

1.1.1 Imajinasi Idea Persembahan

Pembaharuan atau inovasi dalam sesebuah ciptaan seni adalah komponen penting untuk meningkatkan kualiti serta potensi sesebuah persembahan. Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh, tercetus idea untuk menggabungkan dua elemen utama, iaitu nyanyian lagu tradisional Melayu dan nyanyian secara berharmoni, bagi menghasilkan pendekatan baharu dalam bidang ini. Nyanyian yang secara tradisinya dilakukan secara solo atau duet akan diberi dimensi baharu melalui persembahan berkumpulan dengan aplikasi harmoni moden. Pendekatan ini diinspirasi daripada kejayaan Allahyarham Pak Ngah dalam mencipta dan memperbaharui lagu-lagu pop tradisional Melayu. Beliau telah menggabungkan elemen muzik tradisional tempatan dengan pengaruh muzik luar untuk menghasilkan karya yang segar dan relevan dengan selera masyarakat moden. Kajian ini berhasrat untuk menggunakan pendekatan serupa dalam menggabungkan nyanyian tradisional Melayu konvensional dengan harmoni moden.



Dalam tradisi muzik Melayu klasik dan rakyat, persembahan berkumpulan bukanlah suatu konsep baharu. Persembahan seperti Makyung, Dikir Barat, Nasyid, Mek Mulung, Randai, dan Ensembel Genderang telah lama menampilkan elemen nyanyian berkumpulan. Namun, nyanyian tersebut lazimnya disampaikan secara unison, bersahut-sahutan atau bergilir-gilir dengan penyanyi utama. Oleh itu, pengaplikasian harmoni moden, yang melibatkan penggunaan tekstur vokal seperti monofoni, bifoni, homofoni dan polifoni, dijangka dapat memperkenalkan kelainan dan memperkayakan cara penyampaian nyanyian tradisional Melayu.

Untuk memastikan nyanyian tradisional Melayu terus relevan dan tidak dipinggirkan, usaha pembaharuan perlu dilaksanakan secara sistematik. Lagu-lagu tradisional akan diberi nafas baharu dengan gubahan muzik yang menggabungkan alat-alat muzik moden dan tradisional. Gabungan ini dijangka mampu menarik perhatian masyarakat pelbagai lapisan, termasuk generasi muda dan memastikan seni ini kekal didengari serta dipersembahkan.

Idea persembahan nyanyian tradisional Melayu akan distrukturkan dalam bentuk konsert muzikal. Elemen koreografi dan teaterikal akan dimasukkan untuk meningkatkan nilai estetika dan daya tarikan persembahan. Transisi antara lagu-lagu akan diperkaya dengan gerakan tarian serta lakonan oleh para penyanyi, menjadikan persembahan ini sebagai suatu pengalaman yang lebih menyeluruh dan berkesan. Gabungan ini bukan sahaja memperkukuhkan elemen seni persembahan tradisional tetapi juga menawarkan keunikan yang mampu menarik minat audiens moden.



Melalui pendekatan ini, persembahan nyanyian tradisional Melayu tidak hanya menjadi medium hiburan, tetapi juga platform untuk melestarikan warisan budaya. Inovasi ini diharapkan dapat membina jalinan antara elemen tradisional dan moden, seterusnya memberikan impak positif terhadap kelangsungan seni tradisional Melayu dalam konteks kontemporari.

1.1.2 Proses Persembahan

Dalam usaha menghasilkan sebuah persembahan yang membawa pembaharuan, perancangan yang sistematik dan teliti adalah penting. Proses ini melibatkan garis panduan yang dirangka dengan langkah-langkah teratur dan dijalankan dalam jangka masa yang ditetapkan. Objektif utama adalah untuk memastikan persembahan yang dihasilkan bukan sahaja menarik minat masyarakat tetapi juga memberi kesan yang efektif dalam konteks pendidikan nyanyian tradisional Melayu.

Usaha ini tidak hanya bertujuan untuk memelihara dan memulihara warisan budaya tetapi juga untuk menambah nilai estetika melalui inovasi. Kajian dan persembahan ini diharapkan dapat menjadi alat yang berguna dalam pendidikan seni tradisional serta memastikan kesinambungannya dalam era moden.

Persembahan nyanyian tradisional Melayu ini dirancang untuk ditampilkan dalam bentuk ensembel sebagai pendekatan baharu dalam penyampaian nyanyian. Sebagai pengarah persembahan, tenaga kreatif telah dibentuk, termasuk penolong pengarah, pengarah muzik, dan beberapa koreografer. Perancangan ini merangkumi



pelbagai aspek seperti pemilihan penyanyi, gubahan vokal berdasarkan konsep yang telah ditentukan, serta pembentukan jalan cerita untuk membangunkan sebuah persembahan konsert muzikal yang sesuai dengan visi projek ini.

Sebanyak 12 orang penyanyi akan dipilih, terdiri daripada 6 lelaki dan 6 wanita, dengan kriteria utama adalah kebolehan pelbagai dalam nyanyian, tarian dan lakonan. Lagu-lagu yang dipilih akan merangkumi pelbagai kategori, termasuk muzik rakyat, muzik klasik, muzik sinkretik, muzik seni kontemporari dan muzik popular. Lagu-lagu ini akan disusun untuk memenuhi durasi masa persembahan selama 70 minit, dengan setiap lagu ditentukan formatnya, sama ada disertai iringan muzik atau secara *A cappella*.



Jika persembahan dilakukan secara *A cappella*, gubahan vokal akan disesuaikan



untuk mencerminkan harmoni vokal moden yang selaras dengan cita rasa masyarakat masa kini. Dalam kes ini, penggubah vokal akan memastikan elemen tradisional tetap terpelihara sambil memperkenalkan dimensi baharu yang lebih fleksibel dan relevan. Bagi persembahan dengan iringan muzik, sebuah kombo muzik yang menggabungkan alat tradisional dan moden akan digunakan. Gubahan muzik juga akan dihasilkan dengan pendekatan inovatif untuk memastikan ia lebih segar dan menarik.

Persembahan ini juga akan dilengkapi dengan elemen koreografi dan teaterikal untuk menambah nilai estetika serta memberikan pengalaman persembahan yang holistik. Susunan lagu akan mengambil kira dinamik persembahan, memastikan transisi yang lancar antara lagu dengan melibatkan gerakan tarian dan lakonan oleh para



penyanyi. Tenaga kreatif yang terlatih akan dilantik untuk merealisasikan konsep ini, menjadikannya sebuah persembahan konsert muzikal yang unik dan berimpak tinggi.

Berdasarkan pra-syarat resital, setiap individu yang terlibat harus mempersembahkan resital dengan durasi keseluruhan selama 70 minit. Pemilihan repertoire yang akan dipersembahkan dalam persembahan resital telah dirancang secara sistematik untuk mencerminkan evolusi muzik tradisional Melayu di Malaysia. Repertoire ini merangkumi pelbagai genre muzik, bermula dari era sebelum penjajahan British, semasa penjajahan, sehingga zaman selepas kemerdekaan.

Jadual 1.1

Repertoire

No	Genre	Tajuk Lagu	Durasi
Irama Melayu Klasik			
1	Randai	Medley Minang - Cupak Ambiak Lado - Indang Lenggang Parasaian - Solok Salayo	4 minit 40 saat
2	Gamelan	Gambuh Menyanyi	3 minit
3	Makyung	Timang Welu	3 minit 30 saat
4	Mek Mulung	Cik Milek	3 minit 35 saat
Irama Melayu Sinkretik			
Medley Ronggeng :			
5	i. Melayu Asli ii. Inang iii. Zapin iv. Masri v. Joget	Gunung Bentan Kaparinyo Semerah Padi Mendam Berahi Joget Secawan Kopi	7 minit 50 saat
6	Ghazal	Sri Mersing	4 minit 40 saat
7	Dondang Sayang	Mambo	5 minit
Medley Lagu Rakyat			
8	i. Kelantan ii. Pahang iii. Terengganu iv. Perlis v. Kedah	Kenek-kenek Udang Walinong Sari Watimang Landak Canggung Ayam Didik	11 minit 35 saat



No	Genre	Tajuk Lagu	Durasi
vi.	Perak	Joget Wan Lebor	
vii.	Negeri Sembilan	Endang	
Irama Pop Melayu Tradisi			
9	<i>Mashed Up A Cappella</i>	Musalmah Manis + Hati Kama	6 minit 25 saat
10	Medley Pop Tradisional	Dikir Puteri – Noraniza Idris Nirmala – Siti Nurhaliza	4 minit 35 saat

Pemilihan lagu untuk resital ini bertujuan untuk mempersembahkan perkembangan muzik tradisional Melayu yang mewakili pelbagai zaman dan genre. Setiap repertoir dipilih untuk menggambarkan ciri-ciri utama muzik tradisional, mulai dari muzik rakyat dan klasik hingga sinkretik, kontemporari dan popular. Pendekatan ini memberikan penekanan kepada kesinambungan seni tradisional sambil menonjolkan elemen-elemen inovasi.



Gubahan muzik bagi setiap repertoir pula akan diserahkan sepenuhnya kepada pengarah muzik yang dilantik, yang bertanggungjawab untuk menghasilkan karya baharu yang memenuhi visi konsep persembahan ini. Pengarah Muzik akan bekerjasama dengan beberapa penggubah lagu dan penggubah vokal yang diberi penerangan terperinci tentang konsep baharu yang akan diperkenalkan.

Walaupun diberi kebebasan dalam proses kreatif, para penggubah wajib memastikan elemen muzik tradisional tidak terjejas. Elemen-elemen ini akan digabungkan dengan pendekatan harmonisasi moden untuk menghasilkan perubahan penyampaian dari gaya konvensional ke konsep nyanyian baharu. Gubahan ini bertujuan mengekalkan identiti muzik tradisional sambil memberikan suntikan inovasi untuk memenuhi cita rasa masyarakat kontemporari.





Persembahan resital nanti menawarkan pendekatan holistik dalam menyampaikan pelbagai genre muzik tradisional Melayu. Dengan memberi tumpuan kepada evolusi muzik tradisional, inovasi dalam gubahan muzik, serta penyampaian nyanyian harmoni moden, projek ini berpotensi untuk menghidupkan kembali minat terhadap seni tradisional dalam kalangan generasi muda. Gabungan unsur tradisional dan moden yang diterapkan dalam repertoire ini memastikan warisan budaya terus relevan dalam konteks masa kini.

1.1.3 Konsep Persembahan

Persembahan ini dirancang untuk dipersembahkan dalam bentuk Konsert Muzikal yang mengangkat lagu-lagu tradisional Melayu dengan mengekalkan sifat dan bentuk tradisionalnya, tetapi diberi sentuhan inovasi. Inovasi ini bertujuan menjadikan persembahan lebih fleksibel dan mudah diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat, khususnya generasi muda. Pendekatan ini bukan sahaja meraikan keindahan muzik tradisional Melayu tetapi juga memastikan ia terus relevan dalam konteks budaya dan sosial semasa.

Konsep Konsert Muzikal ini akan menggabungkan elemen nyanyian, gubahan muzik, koreografi, dan unsur teaterikal. Elemen-elemen ini diintegrasikan untuk memberikan pengalaman persembahan yang holistik dan menyeluruh. Penekanan diberikan kepada keaslian seni tradisional, sambil menambahkan nilai estetik dengan penyampaian yang moden. Dengan pendekatan ini, seni tradisional Melayu diharapkan dapat menarik perhatian masyarakat moden tanpa mengorbankan nilai asalnya. Objektif





utama adalah untuk memastikan kelangsungan seni ini sebagai warisan budaya yang relevan dan mudah diterima oleh generasi masa kini dan akan datang.

1.2 Permasalahan Persembahan

Dorongan persembahan bermula daripada permasalahan tertentu yang berkaitan langsung dengan aspek kreativiti persembahan sehingga mendorong pelaku muzik untuk menghasilkan idea baharu. Oleh yang demikian, permasalahan persembahan merujuk kepada dorongan kreatif yang dialami oleh penyelidik selaku pelaku muzik dalam penyelidikan ini dan seterusnya diimplementasikan dalam bentuk persembahan muzik.

(Struktur Disertasi Karya Kreatif Persembahan, 2018, ms. 6).

Persembahan muzik tradisional Melayu kini menghadapi cabaran yang signifikan akibat perubahan sosial dan budaya yang dibawa oleh globalisasi dan arus pemodenan. Menurut Zainal (2018), perubahan ini telah membawa kepada penurunan minat masyarakat terhadap muzik tradisional, yang semakin dipinggirkan oleh muzik moden dan komersial. Akibatnya, muzik tradisional Melayu semakin terancam dengan kehilangan identiti budaya yang menjadi tunjang kepada seni persembahan warisan bangsa. Oleh itu, usaha yang sistematik dan inovatif diperlukan untuk memastikan kesinambungan seni tradisional ini, terutamanya dalam mendekati generasi muda melalui kaedah persembahan yang lebih menarik dan relevan dalam konteks semasa.





Walaupun lagu-lagu tradisional Melayu masih dicipta, popularitinya sering kali bergantung kepada komposer atau penyanyi yang mempunyai pengaruh besar dan jumlah pengikut yang ramai. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan inovatif memainkan peranan penting untuk memperkaya persembahan muzik tradisional, seperti dengan mengadaptasi gaya nyanyian berharmoni dan memperkenalkan elemen dramatik dan teatrikal. Strategi ini bukan sahaja dapat mengekalkan ciri unik nyanyian tradisional Melayu tetapi juga menjadikannya lebih relevan dan menarik bagi tontonan masa kini.

Salah satu elemen penting dalam muzik tradisional Melayu ialah improvisasi melodi dan notasi hiasan yang mencerminkan identiti seni tradisional tersebut. Walau bagaimanapun, cabaran muncul apabila gubahan vokal berkumpulan perlu dilakukan.

Dalam konteks ini, adalah penting untuk memastikan melodi dan harmoni yang dihasilkan tidak bercanggah dan menghasilkan bunyi yang tidak harmoni. Menurut Zulkifli (2019), perancangan strategik dalam gubahan vokal dapat memperkayakan persembahan dan membantu mengekalkan elemen tradisional yang menjadi identiti nyanyian Melayu. Begitu juga, penggunaan harmoni berduet atau suara latar, yang sering dilakukan secara spontan, memerlukan pendekatan yang lebih terancang untuk meningkatkan kualiti dan keserasian vokal dalam persembahan.

Dari aspek instrumental, alat muzik tradisional seperti gamelan, makyung, mek mulung, dan randai sering kali dihadkan kepada persembahan tradisional tanpa digabungkan dengan alat muzik moden. Menurut Zakaria (2017), walaupun pendekatan ini mengekalkan keaslian budaya, penggabungan alat muzik moden boleh menjadi strategi untuk memperluas daya tarikan muzik tradisional kepada penonton yang lebih





muda dan urban. Persembahan berskala besar yang melibatkan penyanyi dan penari profesional, serta elemen koreografi dan teaterikal yang dramatik, berpotensi meningkatkan pengalaman penonton terhadap seni persembahan tradisional.

Penyelesaian kepada isu-isu ini menuntut pendekatan inovatif yang mempertahankan elemen tradisional tetapi dalam masa yang sama mengintegrasikan elemen baharu yang mampu menarik perhatian audiens. Penerapan konsep baharu untuk menghasilkan nyanyian harmoni, penyusunan repertoire yang pelbagai dari muzik rakyat hingga seni kontemporari, serta persembahan berbentuk konsert muzikal yang menggabungkan elemen koreografi dan teaterikal adalah antara langkah yang berpotensi meningkatkan daya tarikan muzik tradisional Melayu kepada masyarakat moden.



Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi dan pendekatan yang dapat melestarikan muzik tradisional Melayu melalui inovasi dalam gaya persembahan, gubahan vokal dan konsep dramatik persembahan. Objektif kajian, seperti penerapan konsep baharu, pemilihan repertoire yang relevan, dan penerapan elemen muzikal yang lebih moden, bukan sahaja berkait rapat dengan isu-isu utama yang dibincangkan tetapi juga menawarkan penyelesaian praktikal untuk memastikan kelangsungan seni tradisional ini. Persoalan kajian yang dirangka memberikan asas yang jelas untuk merumuskan pendekatan strategik dalam menyeimbangkan antara pemeliharaan tradisi dan pembaharuan seni persembahan Melayu dalam era moden.



1.3 Objektif Persembahan

- i. Memperkenalkan bentuk ensembel vokal dengan pengaplikasian nyanyian berharmoni dalam lagu tradisional Melayu melalui konsep Harmontradiloka.
- ii. Mempersembahkan repertoir nyanyian tradisional Melayu dari kompilasi muzik rakyat, muzik klasik, muzik sinkretik, muzik seni kontemporari dan muzik popular.
- i. Mengekspresikan persembahan nyanyian tradisional Melayu dalam bentuk konsert muzikal dengan gabungan elemen koreografi dan teaterikal.

Ketiga-tiga isu ini dijadikan sebagai tunjang kepada ilham persembahan dan penelitian terhadap gaya baru ini akan dilakukan sekali gus objektif ini dapat membantu mencapai matlamat untuk jangka masa panjang.

1.4 Persoalan Persembahan

- i. Bagaimanakah konsep Harmontradiloka dapat diaplikasikan dalam persembahan nyanyi lagu tradisional Melayu?
- ii. Apakah pilihan repertoir yang akan dipersembahkan di dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu ini?
- iii. Bagaimanakah bentuk persembahan di dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu ini?